



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خِوَالِ اَلْاِخْوَامِ اَلْاِسْلَامِيَّةِ سَبَاڤِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

23 RAMADAN 1444H / 14 APRIL 2023M

KEISTIMEWAAN LAILATUL QADR PERLU DICARI, BUKAN DINANTI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :

PEGAWAI PENYEMAK

ADAM BIN ABDUL HAI

Unit Gaitul Ummah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 11/04/2023

DIBACA PADA: 14/04/2023

DILULUSKAN OLEH:

BAHARUDIN HJ ALWI

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan & Informasi

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA

KEISTIMEWAAN LAILATUL QADR PERLU DICARI, BUKAN DINANTI

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ (سورة الدخان (44): 4)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، تَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

SAUDARA MUSLIMIN TETAMU ALLAH YANG MULIA!

Sama-samalah kita syukuri talian hayat yang dikurniakan Allah SWT ini dengan tanpa merasa jemu dan keberatan mengerjakan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan berkat kesabaran dan keikhlasan kita dalam mematuhi tatacara hidup yang sedemikian akan berhasil mentransformasi diri kita sebagai orang yang bertakwa di sisi Rabbul Alamin.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk:
“KEISTIMEWAAN LAILATUL QADR PERLU DICARI, BUKAN DINANTI”.

PARA JAMAAH YANG BERBAHAGIA!

Segala puji dan syukur hanya untuk Allah, yang dengan limpah kurnia serta izin-Nya umat Islam berbondong-bondong mengunjungi dan memakmurkan masjid-masjid dan surau-surau di bulan Ramadan ini. Selain mendirikan solat lima waktu secara berjemaah, umat Islam turut berjemaah mendirikan solat Tarawih, bertadarus membaca al-Quran, beriktikaf dan sebagainya. Adalah diharapkan agar senario ini akan terus berlanjutan hingga ke garisan penamat. Bulan Ramadan mengingatkan kita bahawa terdapat satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan di dalam bulan yang penuh keberkatan ini.

Malam istimewa yang penuh kemuliaan itu ialah Lailatul Qadar. Kemuliaan dan keistimewaan Lailatul Qadr itu dijelaskan lagi oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Qadr, ayat 1-5:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ (١) وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ (٢) لَيْلَةُ الْقَدْرِ
خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ (٣) تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّن
كُلِّ أَمْرٍ (٤) سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطَلَعِ الْفَجْرِ (٥)

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah mengurniakanNya (Al-Quran) pada malam kemuliaan. Dan tahukah kamu apakah malam kemuliaan itu? Malam kemuliaan itu lebih baik dari 1000 bulan. Pada malam itu turun

malaikat-malaikat dan malaikat Jibrail dengan izin Tuhanmu untuk mengatur segala urusan. Malam itu (penuh) kesejahteraan sampai terbit fajar.”

(QS al-Qadr (97):1-5)

Berdasarkan kepada mafhum surah al-Qadr ini, terdapat tiga keistimewaan dan kemuliaan yang pada malam Lalitul Qadr.

- Pertama** : Malam Lailatul Qadr itu lebih baik dari seribu bulan.
- Kedua** : Pada malam itu turun para malaikat untuk mengatur segala urusan,
- Ketiga** : Malam Lailatul Qadr penuh kesejahteraan hingga terbit fajar.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!

Sesungguhnya anugerah Lailatul Qadr hanya khusus untuk umat Nabi Muhammad SAW. Ia adalah pengurniaan yang istimewa berkat permohonan Nabi SAW yang mengadu kepada Allah: *“Wahai Tuhan! Telah Kau jadikan umatku ini orang-orang yang pendek usianya dan sedikit pula amalannya.”*

Meskipun umat Baginda pendek usianya dan sedikit amalannya, kita berpeluang untuk memperolehi ganjaran amal kebajikan yang dikerjakan selama 83 tahun dan 4 bulan dengan berusaha mencari malam yang telah dijanjikan itu serta memanfaatkan sebaik mungkin kurnia Allah dengan

mengerjakan ibadah-ibadah fardu dan sunat di samping memohon keampunan kepada Allah SWT. Ibadah yang dimaksudkan merangkumi ibadah khusus dan ibadah umum yang saling melengkapi yakni menghubungkan ahli abid dengan Pencipta-Nya selain menghubungkan diri dengan manusia lainnya.

Yang penting, apa jua amal ibadat yang kita kerjakan mestilah didorong oleh niat yang ikhlas, keimanan serta ketundukan kepada Allah SWT semata-mata. Ini kerana matlamat akhir dalam melakukan ibadah adalah memperlihatkan sifat ketaatan yang tinggi kepada Allah yang hikmahnya kembali kepada manusia. Semakin tinggi kedekatan kita dengan Allah semakin taat kita kepada-Nya dan semakin kuat pedoman dan upaya kawalan yang kita miliki.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Tegasnya, Lailatul Qadr cuma terdapat pada salah satu malam di bulan Ramadan. Para ulama berpendapat bahawa saat berlakunya malam kemuliaan itu ialah pada salah satu malam dari sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Pendapat mereka itu berpandukan kepada sabda Rasulullah SAW yang **bermaksud:**

“Carilah Lailatul Qadr itu pada malam-malam sepuluh terakhir dari bulan Ramadan.”

(HR. Bukhari dan Muslim)

Malam yang didambakan oleh setiap Muslim itu dikatakan berkemungkinan terjadi pada malam-malam ganjil seperti halnya dengan kitab suci Al-Quran yang diturunkan pada malam yang ganjil iaitu malam 17 Ramadan. Ada pendapat mengatakan yang malam kemuliaan itu boleh diperhatikan saat berlakunya dengan berpandukan kepada hari jatuhnya awal Ramadan.

Namun demikian saudara yang dikasihi Allah, sebagai umat Islam yang dianjurkan supaya memburu Lailatul Qadr tidak harus bersifat hanya menanti saat berlakunya malam penuh kemuliaan itu baru mahu melipatgandakan amal ibadat. Pencarian keistimewaan dan fadilat Lailatul Qadr sewajarnya bermula dari malam awal Ramadan lagi hinggalah ke penghujungnya secara istiqamah. Langkah ini lebih memungkinkan ganjaran Lailatul Qadr itu dapat diraih dengan mengambil kira hakikat bulan Ramadan penuh dengan rahmat dan berkat.

PARA JEMAAH YANG MULIA!

Sebagai satu ikhtiar bagi memperolehi malam kemuliaan yang dilimpahi dengan pelbagai keistimewaan dan keberkatan itu, Rasulullah SAW memperbanyakkan ibadahnya sepanjang malam dengan beriktikaf di masjid mulai malam 21 Ramadan. Justeru itu, baginda menganjurkan umatnya supaya mengambil peluang keemasan di bulan yang mulia ini untuk mendapatkan Lailatul Qadr dengan menghadirkan diri ke masjid untuk beriktikaf melakukan ibadat terhadap Allah SWT pada 10 malam penghujung Ramadan sesuai dengan sabda baginda SAW yang **bermaksud:**

“Barang siapa yang ingin beriktikaf Bersamaku, maka hendaklah ia beriktikaf lagi pada sepuluh yang akhir (Ramadan).”

(HR Bukhari)

Sehubungan itu, sama-samalah kita sahut anjuran Rasulullah SAW tersebut tanpa mengabaikan tuntutan mengisi dan mengimarahkan siang dan malam bulan yang mulia ini dengan amalan-amalan fardu dan sunat. Ia sebagai upaya meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT sekali gus mencari serta meraih ganjaran Lailatul Qadr. Yakinlah terhadap janji Allah sebagaimana firman-Nya dalam surah ali-Imran, ayat 115:

وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ^{تِلْ} وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ (١١٥)

Maksudnya: *“Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang yang bertakwa.”*

(QS ali-Imran(3):115)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ

الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّيِّيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُظْمِنَةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.